

# Kajian Wacana Lisan Bahasa Melayu dalam Pengucapan Awam: Satu Tinjauan

Zarien Nurlieyana Aminuddin  
Norazlina Mohd Kiram\*

Universiti Putra Malaysia, Malaysia

Emel perhubungan: noraz@upm.edu.my\*

## **Abstrak**

*Wacana lisan merupakan salah satu aspek penting dalam pengucapan awam. Secara umumnya, pengucapan awam merupakan platform untuk menyalurkan maklumat dan mesej kepada khalayak. Dalam hal ini, penguasaan bahasa sangat penting untuk memastikan ucapan dapat disampaikan kepada khalayak dengan berkesan. Walau bagaimanapun, bukan semua ucapan lisan mengandungi maklumat yang jelas, penyampaian yang sistematik dan penggunaan bahasa yang baik. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan kajian lepas yang dilakukan oleh sarjana berkaitan wacana lisan dan kepentingannya terhadap komunikasi sosial. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis kandungan. Sebanyak 16 artikel yang diterbitkan daripada tahun 2000 hingga 2021 telah diteliti dan dianalisis secara tematik. Kajian ini mengemukakan tiga kategori tema, iaitu kepemimpinan (5), kebahasaan (7) dan kemahiran (4) kerana ketiga-tiganya penting untuk memastikan seseorang itu terampil berucap. Hasil kajian mendapati bahawa kajian terdahulu berkaitan wacana lisan merangkumi tema kepemimpinan (31%), kebahasaan (44%) dan kemahiran (25%). Secara keseluruhannya, ketiga-tiga tema yang dikaji menunjukkan bahawa pengucap menggunakan wacana lisan untuk memperkukuh ucapan dan wibawa dirinya, sekali gus mempengaruhi khalayak untuk menerima mesej yang disampaikan.*

**Kata Kunci:** *Wacana Lisan, Pengucapan Awam, Kemahiran Komunikasi, Bahasa Melayu.*

## Malay Oral Discourse Study in Public Speaking: A Reviews

### **Abstract**

Oral speech is one of the important aspects of public speaking. In general, public speaking is a platform to convey information and messages to the audience. In this regard, mastery of the language is very important to ensure that the speech can be delivered to the audience effectively. However, not all oral speech contains clear information, systematic presentation, and good use of language. In relation to that, this study aims to describe previous studies done by scholars related to oral discourse and its importance to social communication. This study uses a qualitative approach and content analysis methods. A total of 16 articles published from 2000 to 2021 were examined and analyzed thematically. This study presents three categories of themes, namely leadership (5), linguistics (7) and skills (4) because all three are important to ensure that a person is skilled in speaking. The results of the study found that previous studies related to oral discourse included the themes of leadership (31%), linguistics (44%) and skills (25%). Overall, the three themes studied show that speakers use oral discourse to strengthen their speech and authority, while influencing the audience to accept the message conveyed.

**Keywords:** *Oral Discourse, Public Speaking, Communication Skills, Malay Language.*

### **Pengenalan**

Wacana lisan melibatkan antara pengucap dengan pembaca, atau penulis dengan pembaca teks ucapan (Asmah Hj Omar, 2008). Unit bahasanya melebihi batas ayat, iaitu boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, dialog, dan sebagainya yang memperlihatkan perkembangan fikiran yang berturutan. Dalam hubungan ini, wacana melibatkan kesatuan bahasa yang lengkap dalam pengucapan awam (Idris Aman, 2010) melalui aktiviti seperti debat, forum, pidato, ceramah dan diskusi. Aktiviti tersebut dapat membentuk kesatuan fikiran yang mempunyai ciri bahasa yang tersusun dan sistematik. Menurut Awang Sariyan (2010), pengembangan wacana lisan berpotensi mendukung bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Hal ini demikian kerana kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sudah termaktub dalam Perlembagaan

Persekutuan (Perkara 152) yang menetapkan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi Malaysia. Oleh itu, rakyat Malaysia mestilah fasih dan menguasai bahasa Melayu sebagai lambang cinta akan negara. Walau bagaimanapun, masih ada dalam kalangan warganegara yang tidak boleh bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik (Teo Kok Seong, 2022). Hal ini secara tidak langsung menyebabkan wacana lisan yang disampaikan tidak mencapai matlamat yang diharapkan.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif yang berikut:

1. Menghuraikan kajian lepas (2000-2021) berkaitan wacana lisan bahasa Melayu dalam pengucapan awam.
2. Menerangkan kepentingan wacana lisan dalam komunikasi sosial.

### **Sorotan Kajian**

Wacana lisan berkait rapat dengan pengucapan awam dan bertujuan untuk menyampaikan mesej dalam pelbagai situasi. Dalam hubungan ini, Rossette-Crake (2020) menyatakan bahawa pengucapan awam wajar dilakukan dengan satu pembaharuan, terutama dalam dunia digital. Pada masa yang sama, pengucapan awam turut berkembang dalam bidang profesional dan kepemimpinan politik untuk membina hubungan baik bagi mencapai sesuatu matlamat. Secara asasnya, ucapan yang baik mudah difahami oleh pendengar. Menurut Normaliza Abd Rahim (2020), wacana mengandungi variasi linguistik dan menggunakan pelbagai dimensi analisis. Wacana terdiri daripada teks, tulisan, lisan atau interaksi, malah boleh didapati dari bahasa isyarat yang mempunyai makna. Hal ini selari dengan pandangan Zamri Mua'ti (2001) yang menyatakan bahawa komunikasi merupakan satu proses interaksi antara manusia, yang melibatkan pertuturan dan pertukaran pendapat, gerak isyarat atau simbol. Komunikasi juga bertujuan untuk memberi dan berkongsi maklumat, mempengaruhi tingkah laku, memujuk ataupun mengubah keadaan fizikal atau mental individu. Asmah Hj Omar (2020) pula menjelaskan bahawa, wacana bermula dengan bahasa lisan dan dikembangkan dalam bentuk tulisan. Wacana merupakan

lanjutan daripada nahu yang mencapai titik penamatnya pada kajian mengenai ayat, dan disokong oleh bentuk wacana yang merupakan rantaian sejumlah ayat. Aspek bahasa dalam wacana terdiri daripada sistem dan struktur bahasa yang menjadi pengisi wacana. Dari sini, kesimpulan mengenai ciri khusus bagi sesuatu jenis wacana dapat dihuraikan dengan lebih mendalam.

Artikel ini membincangkan 16 kajian sarjana berkaitan wacana lisan dalam pengucapan awam merangkumi objektif, metodologi dan dapatan kajian. Perbincangan kajian wacana lisan terdiri daripada tiga tema, iaitu kepemimpinan, kebahasaan dan kemahiran. Kajian wacana lisan dalam pengucapan awam yang memfokuskan pada aspek kepemimpinan telah dilakukan oleh Mazlan Abu Bakar et al., (2021) dengan tajuk “Ideologi Kepimpinan dalam Ucapan Dato’ Seri Najib Tun Abdul Razak”, Rohaidah Haron, Madiawati Mamat@Mustaffa dan Maizira Abdul Majid (2019) dengan tajuk “Pembinaan Identiti Kepimpinan dalam Wacana Politik”, Rusdi Omar dan Sivamurugan Pandian (2017) dengan tajuk “Falsafah Pemikiran Politik Dr. Mahathir Mohamad”, Radiman Junaidi dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015) dengan tajuk “Wacana Kepimpinan Ucapan Abdullah Badawi” dan Sanat M.N (2006) dengan tajuk “Ucapan Bajet 2006 oleh Perdana Menteri Malaysia: Analisis Wacana Kritis Plus dalam Perbandingan”. Kajian sarjana yang dinyatakan di atas memperlihatkan perkaitan yang erat antara kepemimpinan dengan pemikiran, dan kecekapan dalam pentadbiran.

Kajian wacana lisan dalam pengucapan awam yang memfokuskan pada aspek kebahasaan telah dilakukan oleh Harshita Aini Harron et al. (2020) dengan tajuk “Lakuan Ilokusi Ucapan Zahid Hamidi dalam PAU 2017 dan 2018”, Aminuddin Saimon (2021) dengan tajuk “Lakuan Bahasa Arahan dalam Teks Ucapan Perdana Menteri berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)”, Farzana Adnan dan Suziana Mad Saad (2021) dengan tajuk “Analisis Wacana Kritis Bahasa dan Kuasa: Kepimpinan dan Permuafakatan”, Kasmawati Zakaria dan Munif Zairuddin Fikri Nordin (2021) dengan tajuk “Bahasa dan Kuasa: Analisis Wacana Perundingan Nabi Yusof AS dengan Saudara-saudara Baginda”, Husna Hidayah Mansor (2018) dengan tajuk “Retorik dalam Ceramah Agama Kazim Elias”, Azlina Kamaruddin (2017) dengan tajuk “Analisis Kualitatif

terhadap Faktor Kegagalan Komunikasi Pembujukan dalam Konteks Pengucapan Awam” dan Norazlina Mohd Kiram (2002) dengan tajuk “Kiasan Melayu dalam Pengucapan Awam: Satu Kajian Teks Ucapan”. Kajian sarjana yang dinyatakan di atas memperlihatkan perkaitan yang erat antara bahasa dengan kuasa, sekali gus mempamerkan keperibadian pengucap dalam komunikasi.

Kajian wacana lisan dalam pengucapan awam yang memfokuskan pada aspek kemahiran telah dilakukan oleh Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore (2010) dengan tajuk “Hubungan antara Faktor Demografi terhadap Pengucapan Awam dalam Kalangan Pelajar: Suatu Kajian Awal”, Hazila Kadir@Shahar, Meizareena Mizad dan Nurizah Md Ngadiran (2019) dengan tajuk “Keberkesanan Kursus Pengucapan Awam terhadap Kemahiran Insaniah Pelajar”, Mohd Farik Madun (2020) dengan tajuk “Keperluan Modul Kejurulatihan Pidato di Sekolah Rendah: Satu Tinjauan” dan Norazlina Mohd Kiram dan Nor Asliza Abdul Rahim (2018) dengan tajuk “Teknik Perundingan dalam Pertandingan Debat Diraja”. Kajian sarjana yang dinyatakan di atas memperlihatkan bahawa wacana lisan yang mantap memerlukan kemahiran termasuklah penguasaan teknik, strategi dan modul komunikasi yang berkesan.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini memfokuskan pada penyelidikan wacana lisan dalam pengucapan awam. Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan teks merangkumi aktiviti membaca, meneliti, memilih dan menyaring teks yang dikenal pasti sebagai bahan penyelidikan (Cresswell, 2009). Lima perkara diberikan perhatian, iaitu nama penulis, tahun, latar belakang, metodologi kajian dan dapatan kajian. Sebanyak 16 artikel berkaitan kajian wacana lisan dari tahun 2000 hingga 2021 telah dipilih sebagai data kajian dan dianalisis secara tematik. Tiga tema telah dikenal pasti, iaitu kepemimpinan (5 artikel), kebahasaan (7 artikel) dan kemahiran (4 artikel). Dalam konteks kajian, kepemimpinan merujuk kepada kemampuan mengambil peranan untuk mempengaruhi orang lain ke arah kebaikan. Pemimpin yang baik mempunyai daya fikiran jauh ke hadapan atau berwawasan (Burhanuddin Jalal, 2016). Aspek kebahasaan, khususnya tatabahasa menjadi unsur yang amat penting dalam mana-

mana bahasa kerana tatabahasa ialah acuan bahasa. Tatabahasa ialah peraturan bahasa yang berkaitan dengan penggunaan kata dan ayat yang betul (Awang Sariyan, 2015). Manakala, kemahiran pula merujuk kepada kecekapan atau kepandaian (*Kamus Dewan Edisi ke-3*). Dalam pengucapan awam, kemahiran dapat dikaitkan dengan teknik atau strategi yang digunakan oleh pengucap untuk menarik perhatian khalayak. Dengan kata lain, mesej dapat disampaikan dengan berkesan.

## **Analisis dan Perbincangan**

Artikel ini menyorot kajian berkaitan wacana lisan dalam pengucapan awam berdasarkan tiga tema, iaitu kepemimpinan, kebahasaan dan kemahiran. Perbincangan lanjut seperti di bawah.

### **Kepemimpinan**

Mazlan Abu Bakar et al. (2021) telah menjalankan kajian berkaitan ideologi pemimpin negara dalam teks ucapan. Pernyataan masalah kajian mendapati ideologi pemimpin yang disampaikan dalam wacana lisan sukar untuk difahami oleh pendengar. Justeru, kajian ini dijalankan untuk memperlihatkan hubungan dialektikal antara bahasa dengan kepemimpinan (proses sosial). Hal ini termasuklah mengupas persoalan berkaitan kuasa, politik, dominasi dan rasis yang terselindung dibalik ucapan pemimpin. Data kajian diambil daripada Teks Perutusan Kemerdekaan Perdana Menteri Malaysia yang ke-6, iaitu Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak sempena hari Kemerdekaan kali ke-59. Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis kandungan teks. Data dianalisis dengan menggunakan model Analisis Wacana Kritis (AWK) oleh Norman Fairclough dengan menumpukan pada tekstual (aspek leksikal) dan proses sosial (perbincangan dan tafsiran dalam analisis tekstual).

Kajian menunjukkan bahawa teks ucapan mengandungi metawacana, kosa kata peribahasa bahasa Melayu, kosa teks simpulan bahasa, kosa teks Islam dan kosa teks bahasa Inggeris. Misalnya, kosa kata peribahasa '*biar putih tulang jangan putih mata*' dan '*Moments of Disunity*'. Selain itu, teks ucapan mengandungi beberapa wacana lain seperti laporan, argumentasi, naratif, deskripsi, hujahan dan ekspresi.

Dalam wacana ekspresi terdapat elemen luahan, mengajak, memujuk dan menyampaikan kehendak supaya masyarakat faham matlamat kepemimpinan pengucap. Sebagai contoh, “...*rakyat Malaysia, tidak kira apa bangsa pun, harus bahkan sewajibnya sentiasa beringat-beringat akan sejarah tentang siapakah yang telah mengetuai perjuangan menuntut kemerdekaan*”. Secara keseluruhannya, wacana lisan Najib Tun Abdul Razak dapat dikaitkan dengan praktis kepemimpinan beliau yang mengutamakan rakyat. Justeru, beliau menggunakan ayat yang tidak terlalu akademik, formal dan khusus supaya khalayak dapat menanggapi maklumat dengan mudah.

Kajian Rohaidah Haron, Madiawati Mamat@Mustaffa dan Maizira Abdul Majid (2019) bertujuan untuk mengenal pasti kepelbagaian kata ganti nama diri (KGND) pertama dalam ucapan Presiden UMNO dan hubungan antara bahasa dengan pembinaan identiti. Reka bentuk kajian merupakan gabungan pendekatan kualitatif dan kuantitatif, serta kaedah analisis kandungan teks. Data diambil daripada pewacana Presiden UMNO daripada yang pertama hingga ketujuh, iaitu Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Abdul Razak Hussein, Hussein Onn, Mahathir Mohamad, Abdullah Ahmad Badawi dan Najib Razak. Model Analisis Wacana Kritis (AWK) oleh Norman Fairclough telah digunakan untuk menganalisis data, sekali gus melihat perkaitan antara bahasa dengan identiti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan KGND pertama dapat dikaitkan dengan pembinaan identiti pemimpin, yang berhasrat untuk merapatkan jurang kuasa dan kedudukan dengan rakyat. Dalam hubungan ini, KGND kita paling dominan dalam ucapan semua Presiden, dan digunakan sebanyak 821 (75.8%) kali. Manakala KGND saya digunakan 258 (23.8%) kali. Secara keseluruhan, bahasa penting untuk membina identiti dan dapat memantapkan kepemimpinan pemimpin dalam organisasi. Pemimpin yang petah berbicara juga menunjukkan bahawa mereka memiliki kemahiran komunikasi khalayak dan berupaya menyampaikan mesej dengan berkesan. Asmah Haji Omar (2020) menyatakan bahawa wacana lisan berfungsi untuk menyampaikan maklumat dalam pelbagai bidang dan situasi, seperti upacara rasmi, tugas sehari-hari, menjalinkan hubungan sosial dan sebagainya. Pada masa yang sama, wacana lisan berkait rapat dengan situasi formal atau bukan formal, yang mewujudkan peristiwa bahasa.

Rusdi Omar dan Sivamurugan Pandian (2017) telah menjalankan kajian tentang falsafah pemikiran politik dan cara pengurusan negara oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad. Dalam hubungan ini, istilah 'Mahathirisme' dikaitkan dengan pemikiran dan ideologi politik beliau berdasarkan lima komponen, iaitu nasionalisme, kapitalisme, Islam, populisme dan authoritarianisme. Pembentukan falsafah politik beliau kemudiannya dikaitkan dengan empat faktor utama, iaitu keluarga, penjajahan negara, kedoktoran dan "C.H.E. Det". Hasil kajian mendapati bahawa 'Mahathirisme' mempunyai konsep yang tersendiri yang dibentuk melalui penguatkuasaan dasar pembangunan, kestabilan masyarakat, kepemimpinan dan falsafah diri. Pengalaman sosialisasi yang hebat membolehkan beliau membentuk pemerintahan berasaskan demokrasi mengikut acuan sendiri, yang mengutamakan kestabilan politik, ekonomi dan kemajuan negara. Hal ini selari dengan ucapan beliau pada tahun 1997 yang menyentuh objektif kelapan Wawasan 2020, iaitu perjuangan untuk menegakkan keadilan sosial dalam aspek ekonomi. Dalam hubungan ini, ucapan Dr. Mahathir banyak menekankan kepada sistem nilai, etika dan budaya dalam masyarakat. Secara keseluruhannya, istilah 'Mahathirisme' dibentuk bukan sahaja melalui penguatkuasaan dasar pembangunan dan kestabilan masyarakat, malah melibatkan gaya kepemimpinan dan falsafah diri Dr. Mahathir yang diterjemahkan dalam pentadbiran negara.

Radiman Junaidi dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2013) telah menjalankan kajian yang bertajuk, "Wacana Kepimpinan Dalam Ucapan Abdullah Ahmad Badawi". Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan praktis kepemimpinan Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi secara tersurat dan tersirat. Hal ini termasuklah mengupas isu kuasa, politik, dominasi dan rasis di sebalik wacana yang disampaikan. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis kandungan teks. Data kajian terdiri daripada lima teks ucapan dasar Abdullah Ahmad Badawi sempena Perhimpunan Agung UMNO, iaitu pada 2004, 2005, 2006, 2007 dan 2009. Model Analisis Wacana Kritis oleh Fairclough telah digunakan untuk menganalisis data, iaitu aspek tekstual (leksikal kata alternatif) dan proses sosial (praktis kepemimpinan). Dapatan kajian menunjukkan teks ucapan mengandungi hubungan makna kata melalui kata alternatif pembasmian (kemiskinan dan rasuah) dan alternatif

demokrasi (kuasa rakyat, sikap toleransi dan kebebasan bersuara). Secara keseluruhannya, ucapan Abdullah Ahmad Badawi mengandungi fitur linguistik dan persoalan sosial, terutama aspek kepemimpinan. Kedua-duanya mempunyai perkaitan yang erat.

Sanat (2006) telah menjalankan kajian tentang ucapan belanjawan oleh Perdana Menteri Malaysia, Abdullah Ahmad Badawi. Tujuan kajian adalah untuk menjelaskan bahan ucapan bajet 2006 dan membandingkannya dengan ucapan bajet 2005. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dan data dianalisis dengan menggunakan dua model. Model pertama ialah Analisis Wacana Kritis (Fairclough) yang mengemukakan tiga dimensi wacana, iaitu teks, amalan diskursif dan amalan sosial. Manakala, model kedua pula ialah Tatabahasa Wacana Mega (Sanat). Model kedua ini mengemukakan satu dimensi wacana baharu, iaitu amalan agama dan mengabungkannya dengan model Analisis Wacana Kritis. Hasil kajian mendapati bahawa kosa kata yang digunakan dalam kedua-dua teks ucapan mengandungi ciri wacana bajet seperti ungkapan defisit bajet, kadar inflasi dan kadar pinjaman. Terdapat keserasian antara bentuk dengan teks sebagai genre, wacana dan gaya pengucap. Hal ini menepati maksud teks sebagai representi amalan sosial dan agama. Dalam konteks kepemimpinan, wacana lisan yang digunakan oleh pengucap dapat menyerlahkan wibawa dan kuasanya sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Dengan kata lain, kuasa diterima sebagai satu amanah dan bukan mutlak.

## **Kebahasaan**

Harshita Aini Haroon et al. (2020) telah menjalankan kajian tentang lakuan ilokusi ucapan dengan tujuan untuk membandingkan penggunaan Lakuan Tutar (LT) dalam dua situasi yang berbeza. Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif dan kaedah analisis kandungan. Data kajian diambil daripada dua teks ucap utama Zahid Hamidi sempena majlis perasmian Perhimpunan Agung UMNO (PAU), iaitu pada 2017 (sebelum pilihan raya umum ke-14) dan 2018 (selepas pilihan raya umum ke-14). Data dianalisis dengan menggunakan Teori Lakuan Bahasa Bach dan Harnish dan dikategorikan pada empat LT, iaitu Pengumuman (*Constatives*), Arahan (*Directives*), Perjanjian (*Commissives*) dan Perakuan (*Acknowledgements*). Dapatan

kajian menunjukkan bahawa jumlah keseluruhan LT pada tahun 2018 (214) lebih banyak berbanding dengan 2017 (202). Penggunaan LT Pengumuman paling dominan bagi kedua-dua tahun, iaitu 2017 (65.8%) dan 2018 (57.9%). Manakala, LT Arahan kedua tertinggi dengan penggunaan sebanyak 24.3% (2017) dan 22.4% (2018). Walau bagaimanapun, LT Perjanjian dan LT Perakuan lebih tinggi penggunaannya pada 2018 (19.6%) berbanding dengan 2017 (9.9). Penggunaan LT dalam ucapan Zahid Hamidi secara tidak langsung menggambarkan perasaan, harapan dan pemikiran beliau dalam menerajui UMNO. Kesimpulannya, penggunaannya LT oleh pemimpin banyak dipengaruhi oleh senario politik semasa.

Aminuddin Saimon et al. (2021) telah menjalankan kajian berkaitan lakuan bahasa dalam teks ucapan pemimpin negara. Tujuan kajian adalah untuk menghuraikan penggunaan dan keberkesanan Lakuan Bahasa Arahan (LBA) dalam ucapan Perdana Menteri, Muhyiddin Haji Mohd Yassin. Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis kandungan. Data kajian diambil daripada empat teks ucapan yang disampaikan oleh Perdana Menteri berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat COVID-19, fasa pertama (16 Mac 2020), fasa kedua (25 Mac 2020), fasa ketiga (10 April 2020) dan fasa keempat (23 April 2020). Data dianalisis dengan menggunakan Teori LBA oleh Bach dan Harnish dan dibahagikan kepada enam subkategori, iaitu Permintaan, Pertanyaan, Keperluan, Larangan, Permisif dan Nasihat. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 55 LBA telah diungkapkan dalam teks ucapan merangkumi enam subkategori, iaitu keperluan (21 kali), nasihat (15 kali), permintaan (10 kali), Larangan (7 kali), Pertanyaan (1 kali) dan Permisif (1 kali). Secara keseluruhannya, penggunaan LBA dalam ucapan Perdana Menteri merupakan satu bentuk pengucapan yang baik dan berkesan, sekali gus mencerminkan nilai kesantunan bahasa yang tinggi dalam kalangan pemimpin.

Farzana Adnan dan Suziana Mad Saad (2020) telah menjalankan kajian yang bertajuk, "Analisis Wacana Kritis Bahasa dan Kuasa: Kepimpinan dan Permuafakatan". Tujuan kajian adalah untuk menghuraikan ciri tekstual wacana dan sifat wacana teks ucapan kepemimpinan dan permuafakatan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis kandungan. Data kajian diambil daripada dua teks ucapan yang

disampaikan oleh Ahmad Zahid Hamidi (Presiden UMNO) dan Abdul Hadi Awang (Presiden PAS) sempena Himpunan Ummah PAS-UMNO yang berlangsung pada 13 hingga 14 September 2019. Data dianalisis dengan menggunakan Model Analisis Wacana Kritis (AWK) oleh Fairclough, tetapi dengan pengubahsuaian. Analisis linguistik melibatkan dua dimensi wacana, iaitu sifat kewacanaan dan ciri tekstual. Dapatan menunjukkan bahawa kajian dimensi kewacanaan memaparkan struktur generik teks ucapan yang memperlihatkan orientasi dan sifat kepemimpinan pemimpin UMNO dan PAS. Ciri tekstual dalam teks ucapan pula mengandungi unsur tersurat dan tersirat yang mengetengahkan bahasa sebagai medium interaksi, sekali gus memperkukuh identiti, ideologi dan pegangan.

Kasmawati Zakaria dan Munif Zarirruddin Fikri Nordin (2021) telah menjalankan kajian berkaitan analisis wacana dalam perundingan. Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan penggunaan bahasa oleh Nabi Yusuf AS untuk menangani konflik kekeluargaan melalui wacana perundingan. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis kandungan. Data kajian merujuk kepada teks dialog antara Nabi Yusuf AS dengan saudaranya yang terdapat dalam surah Yūsuf, dan dihuraikan secara terperinci daripada kitab Tafsir al-Munīroleh al-Zuhailīy. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan data yang diterjemahkan dalam bahasa Melayu daripada Tafsir Pimpinan Al-Rahman kepada pengertian al-Quran oleh Sheikh Abdullah Basmeih. Model Analisis Wacana Kritis oleh Fairclough telah digunakan untuk menganalisis data. Tiga fasa perundingan telah diberikan tumpuan, iaitu penyediaan bekalan makanan, penahanan Bunyamin dan perdamaian setelah Nabi Yusuf AS mengisytiharkan dirinya sebagai saudara kandung. Dapatan kajian menunjukkan bahawa watak Nabi Yusuf AS dalam wacana lisannya adalah seimbang, iaitu sebagai orang atasan yang berkuasa dan saudara kandung yang menyayangi ahli keluarganya. Wacana lisan beliau mengandungi dialog perundingan ke arah perdamaian dan penyatuan sebuah keluarga. Bahasa yang digunakan bersifat persuasif, tegas, dan santun, sekali gus dapat menyelesaikan konflik dalaman kursusnya kekeluargaan. Dalam konteks perundingan sosial, penggunaan bahasa yang efektif sangat penting untuk memastikan hubungan kedua-dua belah pihak terpelihara. Tegasnya, ungkapan yang berhemah dan santun berbahasa dapat menghindari konflik komunikasi sesama manusia.

Azlina Kamaruddin (2017) dalam kajiannya yang bertajuk, “Analisis Kualitatif terhadap Faktor Kegagalan Komunikasi Pembujukan dalam Konteks Pengucapan Awam” menumpukan pada faktor penyebab kegagalan dalam penyampaian komunikasi pembujukan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah temu bual. Informan kajian terdiri daripada empat orang pekerja Melayu di organisasi swasta. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor kegagalan komunikasi pembujukan adalah disebabkan oleh keyakinan diri yang rendah, gemuruh, bahasa yang lemah, halangan saluran (langsung dan tidak langsung), semantik dan perbezaan budaya. Dalam hubungan ini, faktor keyakinan diri yang rendah paling dominan dan ditunjukkan melalui tingkah laku seperti takut, gugup, gagap, bimbang, gementar, kurang selesa, tidak yakin, gelabah dan berasa diperhatikan. Isu bahasa, dialek dan semantik juga merupakan penyebab kegagalan komunikasi yang menyebabkan salah faham dan kekeliruan dalam penyampaian mesej. Secara keseluruhannya, komunikasi pembujukan dapat memujuk masyarakat supaya berubah ke arah yang lebih baik berbanding dengan sebelumnya.

Kajian Husna Hidayah Mansor, Nor Azuan Yaakob dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2018) menumpukan pada wacana lisan, iaitu jenis retorik, gaya retorik dan struktur retorik dalam ceramah agama yang disampaikan oleh Ustaz Kazim Ellias. Data kajian terdiri daripada tujuh buah tajuk ceramah yang diambil daripada rancangan Kalau Dah Jodoh Siri 1 yang disiarkan melalui siaran Astro Oasis. Semua data dianalisis dengan menggunakan Model Retorik Raminah Sabran (2002) yang dibahagikan pada dua jenis pemerian, iaitu pemerian saintifik (pencirian atau penerangan berkenaan sesuatu hal berdasarkan fakta sebenar) dan pemerian imaginatif (penerangan menggunakan imaginasi untuk menerangkan sesuatu kepada khalayak supaya mesej dapat dihayati). Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan pemerian imaginatif lebih tinggi (55%) berbanding dengan pemerian saintifik (45%). Secara keseluruhannya, kedua-dua pemerian ini digunakan oleh penceramah untuk memberikan kesan yang lebih mendalam kepada khalayak. Penggunaan bahasa yang lembut dan teratur bukan sahaja dapat mengubah fikiran khalayak malah dapat menakluki hati mereka. Hal ini selari dengan pandangan Amida AbdulHamid (2015) yang menyatakan bahawa ucapan yang berkesan perlu mengandungi retorik dan falsafah bahasa, yang bertujuan untuk menyampaikan idea, gagasan dan meluahkan perasaan.

Norazlina Mohd Kiram (2002) telah menjalankan kajian yang bertajuk “Kiasan Melayu dalam Pengucapan Awam: Satu Kajian Teks Ucapan”. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk kiasan Melayu yang terdapat dalam teks belanjawan negara. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis kandungan. Data dikumpul daripada Teks Ucapan Belanjawan Negara 1988. Sebanyak 18 kiasan Melayu telah dikenal pasti dan dianalisis dengan menggunakan kerangka konsep Saffian Hussain (1988) dan Muriel Saville-Troike. Dapatan kajian mendapati bahawa kiasan bentuk peribahasa adalah paling dominan (67%), diikuti kiasan berpindah (28%) dan kiasan bentuk bukan peribahasa (5%). Penggunaan kiasan Melayu dalam teks ucapan tidak ditulis sewenang-wenangnya tetapi merupakan satu strategi pengucap untuk memujuk, meminta simpati, menasihati, mempengaruhi, menakutkan, memberi peringatan, menempelak dan mengkritik. Dalam hubungan ini, pengucap telah menggunakan kuasa bahasa kiasan untuk menyampaikan matlamat dan agenda negara kepada rakyat secara halus. Kesimpulannya, kiasan Melayu merupakan strategi komunikasi yang berkesan untuk menyalurkan maklumat, sekali gus dapat mengekalkan hubungan antara pemimpin dengan rakyat. Dalam hal ini, Idris Aman (2010), menyatakan bahawa wacana lisan melibatkan hubungan antara penutur dengan pendengar melalui ciri gaya wacana, sasaran wacana, kesantunan maklumat dan sistematik mengikut kesesuaian konteks.

## **Kemahiran**

Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore (2010) telah menjalankan kajian tentang tahap fobia pelajar dalam pengucapan awam pelajar dengan menumpukan pada aspek gender dan latar kelahiran. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kaedah lapangan, iaitu mengedarkan borang soal selidik. Responden terdiri daripada 40 orang di Politeknik Kota Kinabalu yang mengikuti kursus Seminar (J5822). Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap fobia yang tinggi sebanyak 29 orang (72.5%), mempunyai tahap fobia yang tinggi, sederhana 3 orang (7.5%) dan rendah 8 orang (20%). Nilai purata tahap fobia pelajar perempuan lebih tinggi (31.00) berbanding dengan pelajar lelaki (11.00). Pelajar yang berasal dari luar bandar secara puratanya memiliki tahap fobia yang sangat tinggi (4.9328) dalam pengucapan awam berbanding

dengan pelajar dari bandar (2.7868). Secara keseluruhannya, terdapat hubungan korelasi yang kuat bagi elemen pencapaian akademik ( $r=.806$ ,  $p=.000$ ) terhadap tahap fobia pelajar dalam pengucapan awam.

Kajian Hazila Kadir@Shahar, Meizareena Mizad dan Nurizah Md. Ngadiran (2020) bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesedaran pelajar tentang kepentingan kemahiran insaniah, dan keberkesanan kursus Pengucapan Awam untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran insaniah. Reka bentuk kajian ialah kuantitatif dan kaedah tinjauan, iaitu menggunakan borang soal selidik. Responden terdiri daripada 33 orang pelajar yang mengambil kursus Pengucapan Awam di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTM) pada semester 2019/2020. Dapatan kajian menunjukkan bahawa (87.9 %) pelajar berminat mengikuti kursus Pengucapan Awam. Faktor yang mempengaruhi ialah minat yang mendalam (39.4%), pengaruh rakan (36.4%), tiada pilihan untuk kursus yang lain (21.2%), pengaruh pelajar senior (6%) dan kesedaran awal untuk menambah baik softskill dan bakat, kemahiran bertutur, berkomunikasi dan berdebat (3%). Secara keseluruhannya, responden berpandangan kursus Pengucapan Awam memberikan nilai yang positif seperti berani memberikan pandangan, menangani perasaan malu, memperbaiki semangat berpasukan dan berkeyakinan untuk bersaing dalam dunia pekerjaan. Dengan kata lain, kursus ini dapat melahirkan pelajar yang memiliki kemahiran insaniah dan menjadi pelapis yang berwibawa.

Kajian Mohd. Farik Madun dan Musirin Mosin (2020) bertujuan untuk meninjau keperluan modul kejurulatihan pidato di sekolah rendah untuk meningkatkan kemahiran guru dalam pengucapan awam. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu guru melatih pelajar untuk menjana idea dan meningkatkan keyakinan diri. Dapatan kajian mendapati bahawa modul kejurulatihan pidato perlu dibangunkan sebagai bahan bantu mengajar, sekali gus membantu guru untuk meneguhkan pengajaran lisan murid. Modul tersebut juga dapat membantu guru untuk menentukan kaedah dan teknik pidato yang sesuai. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan motivasi guru untuk mengajarkan aktiviti pidato dengan menggunakan pelbagai kaedah dan teknik yang dapat menarik perhatian pendengar.

Norazlina Mohd Kiram dan Nor Asliza Abd Rahim (2018) telah menjalankan kajian yang bertajuk “Teknik Perundingan dalam Pertandingan Debat Diraja”, kajian ini dijalankan untuk menganalisis teknik perundingan yang digunakan oleh pendebat dalam Pertandingan Akhir Debat Diraja Antara IPT. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis kandungan teks. Data diperoleh daripada transkripsi rakaman video Pertandingan Akhir Debat DiRaja IPT tahun 2009, 2010 dan 2012, dan dianalisis dengan menggunakan kerangka Teknik Perundingan Asmah Haji Omar (2000). Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua pendebat menggunakan teknik perundingan yang mengandungi ciri pragmatik, bercerita, bunga bahasa, pemilihan kod dan humor. Penggunaan teknik perundingan oleh pendebat memberi impak terhadap hujah yang disampaikan. Kepelbagaian teknik perundingan dalam penyampaian hujah memperlihatkan kemahiran pendebat untuk mempengaruhi khalayak, sekali gus mempengaruhi keputusan pertandingan. Secara keseluruhannya, kajian ini memberi manfaat kepada pengucap untuk berbicara dengan yakin melalui teknik perundingan yang betul.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, artikel ini telah menyorot kajian wacana lisan dalam pengucapan awam berdasarkan kajian lepas, iaitu pada tahun 2000 hingga 2021. Kajian wacana lisan dibahagikan kepada tiga tema, iaitu kepemimpinan, kebahasaan dan kemahiran. Ketiga-tiga tema ini memainkan peranan yang penting, terutama dalam penyampaian mesej yang berkesan kepada khalayak. Pengucap dapat menyerlahkan kewibawaannya sebagai pemimpin melalui ucapan politik yang mengandungi ideologi, falsafah, pemikiran dan sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa wacana lisan dalam pengucapan awam tidak boleh disampaikan sewenang-wenangnya. Ilmu dalam bidang pengucapan awam sangat diperlukan untuk menghasilkan satu ucapan yang bermaklumat dan dapat memikat hati pendengar. Dalam hubungan ini, wacana lisan dalam kepemimpinan memfokuskan kepada pemimpin yang berusaha untuk menyampaikan mesej kepada khalayak bagi mendapatkan sokongan terhadap agenda politik mereka. Dalam aspek kebahasaan pula, penggunaan kosa kata yang tepat dan gaya retorik dapat memancarkan peribadi pengucap yang menguasai bahasa dengan

baik. Manakala, kemahiran atau strategi komunikasi dapat membantu pengucap untuk meningkatkan keyakinan diri di hadapan khalayak. Tegasnya, kajian wacana lisan dalam kepemimpinan, kebahasaan dan kemahiran merupakan aspek yang penting dalam bidang pengucapan awam. Ketiga-tiga aspek ini dapat menyerlahkan kredibiliti perucap dalam penyampaian wacana lisan yang mantap

## Rujukan

- Abdul Muati Ahmad. (2008). *Panduan pengucapan awam* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amida@Hamidah Abdul Hamid (2015). *Retorik: Yang indah itu bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Nahu kemas kini, panduan bahasa yang betul*. Batu Caves, Selangor: PTS Press.
- Asmah Haji Omar. (2020). *Wacana teks: Genre teori dan kaedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Azlina Kamaruddin. (2017). Analisis kualitatif terhadap faktor kegagalan komunikasi pembujukan dalam konteks pengucapan awam. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33 (3), 89-106.
- Burhanuddin Jalal (27 November 2016). 3 ciri utama perlu ada pada pemimpin. *Berita Harian Online*. Diakses pada <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2016/11/217290/3-ciri-utama-perlu-ada-pada-pemimpin>
- Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Farzana Adnan & Suziana Mad Saad (2021). Analisis wacana kritis bahasa dan kuasa: Kepimpinan dan permuafakatan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4 (3), 1-18.
- Hazila Kadir, Meizareena Mizad & Nurizah Md Ngadiran. (2019). Keberkesanan kursus pengucapan awam terhadap kemahiran insaniah pelajar. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 1 (3), 34-41.

- Harshita Aini Haron, Noor Asliza Abdul Rahim, Noriha Basir & Zaliza Zubir (2020). Lakuan Ilokusi Ucapan Zahid Hamidi dalam PAU 2017 dan 2018. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 20(2), 96-114. Doi: <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2002-06>
- Higgins ,J.P.T et al., (2011). The Cochrane Collaboration's tool for assessing risk of bias in randomised trials. *BMJ (online)*, 343 (7829), 1-9. doi: <https://doi.org/10.1136/bmj.d5928>
- Husna Hidayah Mansor, Nor Azuwan Yaacob & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Retorik pemerian dalam ceramah agama. *International Journal of The Malay World and Civilisation*, 6(2), 29-38. doi: <https://doi.org/10.17576/jatma-2018-0602-03>.
- Idris Aman (2010). *Analisis wacana*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Matore, M.E (2010). Hubungan antara Faktor Demografi terhadap Fobia Pengucapan Awam dalam Kalangan Pelajar Politeknik: Suatu Kajian Awal, *Journal of Human Capital Development*.
- Mazlan Abu Bakar, Zaitul Azma Zainon Hamzah & Aminuddin Saimon. (2021). Ideologi kepimpinan dalam ucapan Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak. *International Young Scholars Journal of Languages*, 4 (2), 136-154. Dimuat turun dari <https://www.iium.edu.my/media/77658/>
- McNatt, D. (2019). Enhancing public speaking confidence, skills, and performance: An experiment of service-learning. *The International Journal of Management Education*, 17 (2), 276-285. doi: <https://doi.org/10.1016/j.ijme.2019.04.002>
- Mohd Farik Madun & Musirin Mosin (2020). Keperluan modul kejurulatihan pidato di sekolah rendah: Satu tinjauan umum. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 201 - 206. doi: [10.47405/mjssh.v5i12.574](https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.574).
- Norazlina Mohd. Kiram. (2002). *Kiasan Melayu dalam Pengucapan Awam : Satu Kajian Teks Ucapan* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Norazlina Mohd. Kiram & Noor Asliza Abdul Rahim. (2018). Teknik perundingan dalam Pertandingan Debat Diraja. *Jurnal Linguistik*, 22 (1), 32-48.

- Normaliza Abd Rahim (2021). *Analisis wacana: Strategi komunikasi strategi kesopanan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Rohaidah Haron, Madiawati Mamat@Mustaffa & Maizira Abdul Majid. (2019). Pembinaan identiti kepimpinan dalam wacana politik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 386-407.
- Rossette-Crake, F. (2020). The new oratory: Public speaking practice in the digital. *Discourse Studies*, 22(5), 571-589.
- Rusdi Omar & Pandian, S. (2017). Falsafah pemikiran politik Dr. Mahathir Mohamad. *Jurnal Kemanusiaan*, 4 (2), 78-91. Diakses dari <https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/>
- Sanat Mohd Nasir. (2006). Ucapan Bajet 2006 oleh Perdana Menteri Malaysia: Analisis wacana kritis plus dalam perbandingan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 218-240.
- Saimon, A. et al. (2021). Lakuan bahasa arahan dalam teks ucapan Perdana Menteri berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Jurnal PENDETA, Journal of Malay Language, Education and Literature* 12(1), 63-78. Doi: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.5.2021>
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Radiman Hj Junaidi (2013). Wacana kepimpinan dalam ucapan Abdullah Ahmad Badawi. *Jurnal Bahasa*, 13(1), 128-150.